

## **PTPTN Agih Bubur Lambuk kepada Pelajar dan Warga PSP**

15 April- Bagi menyemarakkan lagi penghayatan bulan Ramadan yang mulia ini, PTPTN dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Seberang Perai (PSP) telah mengadakan aktiviti penyediaan dan pengagihan bubur lambuk sempena Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) Bersama Pelajar IPT Tahun 2022.

Program IMRAN ini melibatkan aktiviti menyedia dan mengagihkan 1,000 bekas bubur lambuk secara gotong-royong melibatkan kakitangan PTPTN, Kakitangan PSP, MPP PSP dan pelajar dan seterusnya akan diedarkan kepada pelajar dan warga PSP. Aktiviti pengagihan bubur lambuk diadakan di Pusat Islam PSP mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan disempurnakan oleh Pengurus Besar Kanan, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Encik Mohd Rusdi bin Ismail dan diiringi Pengarah PSP, Sr. Harith Fadzilah Abd Khalid.

Turut hadir, En. Ainuddin Ramdan bin Ab Rashid, Pengurus Besar, PTPTN, En. Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang dan En. Shuhaimi bin Samanol Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSP.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.













